

Penduduk bandar tertekan

Oleh Suraya Roslan

surayaroslan@hmetro.com.my

Bangi

Penduduk bandar lebih tertekan berbanding mereka yang berada luar bandar, apabila indeks kesejahteraan hidup penghuni di kawasan itu mencatatkan 3.6 mata berbanding luar bandar 3.87 mata.

Penemuan itu diperoleh hasil Indeks Kajian Kesejahteraan Masyarakat Malaysia daripada Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) bagi tempoh 2014 hingga 2015 yang mendapati penduduk luar bandar lebih bahagia dan kurang tekanan berbanding penduduk bandar.

Felo Penyelidik Utama IPSAS UPM, Prof Emeritus Datuk Dr Sulaiman Md Yassin berkata, kajian itu mendapati empat faktor penyumbang terhadap tekanan penduduk di bandar iaitu kos sara hidup, keadaan alam sekitar, kepadatan populasi dan hubungan sosial yang agak longgar.

"Hasil kajian terhadap 800 responden seluruh negara menunjukkan mereka yang berada di luar bandar mengakui kehidupan mereka lebih tenang berbanding masyarakat bandar. Keadaan persekitaran yang menghijau dan kurang kepadatan penduduk juga faktor menyumbang kesejahteraan hidup luar bandar.

"Selain itu, dari segi sosial pula, hubungan antara penduduk luar bandar dengan ahli keluarga, jiran dan komuniti lebih tinggi dicatatkan.

"Berbeza dengan rakyat di bandar yang berdepan pelbagai cabaran, walaupun menikmati banyak kemudahan dan perkhidmatan, tetapi terdapat faktor lain yang menyebabkan mereka kurang sejahtera, boleh dika-

takan mereka (rakyat bandar) lebih tertekan," katanya ketika ditemui pada Seminar Tahap Sejahtera Rakyat di sebuah hotel di sini, semalam.

Seminar itu dirasmikan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan.

Turut hadir, Pengerusi YBK, Datuk Zainal Abidin Sakom dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Dr Sulaiman berkata, kajian selama setahun itu bermula tahun lalu membabitkan sampel seramai 800 responden berusia 15 tahun ke atas menumpukan kepada 12

aspek kesejahteraan hidup antaranya sosial, pendidikan, kemudahan fizikal, spiritual, politik, budaya dan ekonomi.

Katanya, pihaknya akan bertanyakan kepada sampel kajian mengenai setiap aspek dengan mendalam bagi memastikan data yang diperoleh adalah tepat.

"Kita menerima sokongan daripada YBK untuk terus menjalankan kajian ini selama 10 tahun bagi mengesan sama ada berlaku perubahan atau tidak terhadap kesejahteraan rakyat negara ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, ukuran kesejahteraan masyarakat tidak boleh hanya dilihat pada satu petunjuk sahaja.

Katanya, sebagai contoh, jika indeks jenayah tinggi, kita tidak boleh menghukum sesuatu negara itu tidak sejahtera tetapi perlu juga melihat kepada indeks lain seperti ekonomi dan kesejahteraan keluarga.

"Ada sesetengah pihak suka memanipulasikan isu mengatakan kadar jenayah naik dan menuduh kerajaan gagal serta tidak prihatin, itu adalah berniat jahat," katanya.

FAKTA
Ukuran
kesejahteraan
masyarakat tidak
boleh dilihat pada
satu petunjuk
sahaja